



GMT-Master II

Oyster, 40 mm, emas putih

**Oyster Perpetual GMT-
Master II dalam Emas
putih 18 karat, dengan
permukaan seramik
hijau dan rantai Oyster.**




BEZEL BOLEH PUTAR 24 JAM

Inovasi berteknologi tinggi

Model ini mempunyai permukaan seramik hijau dan Sisipan bezel Cerachrom dalam seramik hijau dan hitam dua warna. Di sampingh jarum jam, minit dan saat konvensional, GMT-Master II mempunyai satu jarum jam berbentuk segi tiga susuh yang berputar mengelilingi permukaan sekali setiap 24 jam dan satu bezel boleh putar dwiarah bersenggat 24 jam.

Jarum 24 jam yang mempunyai warna tersendiri memaparkan masa rujukan di “tempat asal” dalam zon waktu pertama yang boleh dibaca pada senggatan bezel. Waktu tempatan pengembara mudah ditetapkan dengan “melompat” dari jam ke jam kerana mekanisme cerdas yang dikendalikan melalui pusingan putaran jam: jarum jam boleh diselaraskan ke depan atau belakang secara bebas daripada jarum minit dan saat. Ini membolehkan pengembara menyesuaikan diri dengan zon waktu baharu mereka tanpa menjejaskan ketepatan waktu mereka. Sisipan bezel Cerachrom menampilkan kombinasi warna asal: hitam dan hijau eksklusif yang dikhaskan untuk model ini.



PERMUKAAN SERAMIK HIJAU

Pembuatan berteknologi tinggi

Permukaan Cerachrom dicipta dengan cara yang sama seperti permukaan permata asli dengan memasang cakera bahan pada plat loyang dan memaparkan rona hijau yang serupa dengan bahagian bawah sisipan bezel Cerachrom dua warna hijau dan hitam yang menghiasi muka jam. Ini ialah permukaan Cerachrom pertama pada jam tangan Rolex.

Pada jam tangan ini, putaran jam dan pelindung putaran jam berada di sebelah kiri penutup jam tangan. Bukaan tarikh dan kanta Siklops berada pada pukul 9.




EMAS PUTIH 18 KARAT

Komitmen untuk mencapai kecemerlangan

Dengan mengendalikan faundri eksklusif sendiri, Rolex mempunyai keupayaan yang tiada tandingan untuk menghasilkan aloi emas 18 karat yang berkualiti tinggi. Mengikut perkadaran perak, tembaga, platinum atau paladium yang ditambahkan, pelbagai jenis emas 18 karat boleh diperolehi: kuning, merah jambu atau putih.

Emas 18 karat ini diperbuat hanya daripada logam yang paling tulen dan diperiksa dengan teliti di makmal dalaman dengan menggunakan kelengkapan yang paling canggih sebelum emas dihasilkan dan dibentuk dengan perhatian sama yang cermat dan teliti terhadap kualiti. Komitmen Rolex terhadap kecemerlangan bermula daripada sumbernya.



RANTAI OYSTER

Keajaiban bentuk dan fungsi

Reka bentuk, pembangunan dan penghasilan rantai dan pengancing Rolex, serta ujian ketat yang dijalani, melibatkan teknologi tinggi termaju. Tambahan pula, seperti semua komponen jam tangan, kawalan estetika oleh mata manusia menjamin kecantikan yang sempurna.

Rantai Oyster ialah keajaiban bentuk dan fungsi yang sempurna. Kali pertama diperkenalkan pada hujung tahun 1930-an, rantai logam yang sangat

teguh dan selesa dengan pautan tiga keping yang rata dan lebar ini kekal menjadi rantai yang paling universal dalam koleksi Oyster.

Lagi butiran teknikal

GMT-Master II

Rujukan 126729VTNR

Penutup Model

Jenis

Oyster, 40 mm, emas putih

Diameter

40 mm

Bahan

Emas putih

Bezel

Bezel boleh putar dwiarah bersenggat 24 jam. Sisipan Cerachrom dwiwarna hijau dan hitam dalam seramik, angka dan senggatan dibentu

Seni Bina Oyster

Penutup tengah monoblok, penutup belakang diskrukan dan putaran jam

Putaran Jam

Diskrukan, sistem kalis air tiga kali ganda Triplock

Kristal

Nilam tahan calar, kanta Siklops di atas tarikh

Kekalisan Air

Kalis air hingga 100 meter / 330 kaki

Gerakan

Jenis

Perpetual, mekanikal, automatik, fungsi GMT

Kaliber

3285, Buatan Rolex

Ketepatan

-2/+2 saat/hari, selepas penutup dipasang

Pengayun

Pegas rambut Parachrom biru paramagnetik. Penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi

Pemutaran

Dwiarah automatik melalui rotor Perpetual

Rizab kuasa

Lebih kurang 70 jam

Fungsi

Jarum jam tengah, minit dan saat. Paparan 24-jam. Zon waktu kedua dengan tetapan pantas yang bebas pada jarum jam tangan. Tarikh yang serta-merta. Penghentian jarum saat untuk tetapan masa yang tepat

Rantai

Jenis

Oyster, pautan tiga keping padu

Bahan Rantai

Emas putih 18 karat

Pengancing

Pengancing keselamatan Oysterlock lipat dengan pautan sambungan keselesaan 5 mm Easylink

Permukaan

Jenis

Seramik hijau

Butiran

Paparan Chromalight yang sangat mudah dibaca dengan pendarkilau biru tahan lama

Pensijilan

Jenis

Kronometer Superlatif (COSC + pensijilan Rolex selepas penutup dipasang)

Terokai dan temui lebih lanjut di Rolex.com

Semua hak milik intelek seperti tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama dagang, reka bentuk dan hak cipta terpelihara.

Tiada apa-apa yang terkandung dalam laman web ini boleh diterbitkan tanpa kebenaran bertulis. Rolex berhak mengubah suai model yang dipaparkan pada laman web semasa pada setiap masa.

